



## **KENYATAAN / SIARAN AKHBAR**

**Bahagian Komunikasi Korporat  
Perbadanan Putrajaya  
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013**

### **PPj BANGUNKAN KEMUDAHAN, PUSATKAN PENJAJA BAHU JALAN**

**PUTRAJAYA, 05 Disember 2024** – YBhg. Dato' TPr. Fadlun Bin Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) telah merasmikan Pusat Penjaja Putrajaya di Presint 15 iaitu salah satu daripada empat (4) pusat penjaja seumpamanya yang dibangunkan oleh PPj bagi memusatkan para penjaja yang sebelum ini menjaja di bahu-bahu jalan di Putrajaya.

Keempat-empat pusat penjaja yang mula dibangunkan pada Ogos 2023 dan berjaya disiapkan setahun kemudiannya ini telah memulakan operasi sejak Ogos 2024 dan menempatkan lebih 30 penjaja secara keseluruhan dengan kadar sewa sekitar RM200 sebulan.

Pembangunan pusat penjaja ini adalah selaras dengan inisiatif Kerajaan MADANI dan hasrat YAB Perdana Menteri yang amat menitikberatkan golongan penjaja agar dijaga dan disantuni serta disediakan tempat penjajaan yang teratur dan selesa. Sebanyak RM2.5 juta diperuntukkan oleh Kerajaan bagi membangunkan pusat-pusat penjaja ini melibatkan empat (4) lokasi yang telah siap bagi Fasa 1 iaitu setiap satu di Presint 9, 15, 17 dan 18.

Bagi memberi peluang kepada lebih ramai penjaja dan mengambil kira keperluan warga Putrajaya, PPj akan membangunkan beberapa lagi lokasi pusat penjaja seumpama ini bagi Fasa 2 termasuk di Presint 5, 8 dan 11.

Di samping itu, PPj dengan sokongan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) juga sedang dan akan melaksanakan kerja-kerja naik taraf medan-medan selera serta kios-kios lain yang telah lama dibangunkan untuk menjadikannya lebih kondusif bukan sahaja kepada penjaja dan peniaga kecil tetapi juga kepada pengunjung dan pelanggan.

Dalam majlis yang sama, seramai 230 penjaja Putrajaya yang terpilih telah menerima tajaan caruman daripada JWP dan PPj di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Caruman penuh SKSPS adalah berjumlah RM232.80 setahun di mana 90 peratus daripada jumlah caruman tahunan tersebut ditanggung oleh Kerajaan menerusi Geran Padanan

Caruman manakala baki 10 peratus lagi ditaja oleh JWP dan PPj melalui inisiatif Program Usaha Jaya Insan (PUJI) di bawah komponen Lindung@PUJI.

Secara keseluruhannya inisiatif ini memanfaatkan kepada lebih 2,000 penjaja dan peniaga kecil di Wilayah Persekutuan termasuk di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Di samping itu, PPj turut mengumumkan inisiatif suntikan Typhoid secara percuma kepada penjaja/peniaga premis makan dan minuman yang merupakan salah satu program di bawah Pelan Tindakan Putrajaya Bandar Sihat. Inisiatif ini menyasarkan penyertaan lebih 1,000 orang pengendali makanan di Putrajaya khususnya mereka yang bekerja di medan selera, gerai dan kios makanan dan minuman melibatkan kos sebanyak RM50,000.00.

Kerjasama strategik yang dilaksanakan JWP bersama agensi-agensi di bawahnya dengan penglibatan semua pihak termasuk PERKESO ini adalah selari dengan pendekatan whole-of-nation ke arah menjayakan Visi Clean, Healthy, Advanced, Safe and Eco-Friendly City (C.H.A.S.E. City) Wilayah Persekutuan demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat.

**(SITI FADILAH BINTI RAMLI)**

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: Disember 2024